

ANAK PENEROKA FELDA ANTARA GRADUAN CEMERLANG



Kuantan, 17 Nov- Anak peneroka Felda antara graduan cemerlang menerima Anugerah Kecemerlangan Yayasan Pahang sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) kali ke-12.

Berasal dari Bera, Pahang, Nur Amirah Adhha Kamarzaman, 23, terkenal dengan pembabitannya dalam aktiviti kepemimpinan dan sukarelawan. Beliau menyertai program Sukarelawan IM4U Volunteer Malaysia dan Jelajah Jejak Mesra Rakan Alam Sekitar Peringkat Paelimen Paya Besar. Selain itu, beliau turut terlibat dalam UMP Rapid Chess Challenge Series 2014 dan Program Jejak Menara Peringkat Negeri Pahang UMP-Yadim sebagai exco.

Dengan memperoleh Anugerah Dekan bagi setiap semester, ini menjadikan beliau graduan kelas pertama bagi Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan) dengan Kepujian dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan.



Anak keempat daripada lima beradik itu sangat aktif dalam kegiatan kesukarelawan sepanjang menuntut di UMP. Beliau berkata, sebagai manusia yang cukup sempurna dari setiap segi kehidupan, saya rasa bertanggungjawab untuk membantu orang ramai melalui sumbangan tenaga, kemampuan dan kepakaran.

Katanya, minat dalam bidang itu timbul selepas menyertai rakan-rakan membuat kerja sukarelawan. Bertitik tolak dari peristiwa tersebut, minat tersebut terus menjadi sebatи dalam jiwanya. Beliau yakin bahawa bantuan boleh dihulur bukan saja dari segi kewangan.

Penglibatan beliau bukan setakat itu sahaja, beliau juga menyertai program pertukaran pelajar di bawah seliaan UMP ke Turki selama satu semester pada sesi 2015/206. "Saya sentiasa fokus dan menyenaraikan semua aktiviti secara berjadual supaya lebih mudah diurus, katanya".

Sehingga kini, ibunya, Zaharah Hj Sabli, 56 yang merupakan suri rumah dan bapanya, Kamarzaman Ahmad, 59, merupakan penyumbang terbesar dalam memperoleh kejayaan. Nur Amirah Adhha adalah antara 2,835 graduan yang bergraduasi pada majlis konvokesyen kali ini. Beliau berbangga apabila diberi kepercayaan dalam menyampaikan ucapan mewakili graduan yang lain pada sidang kelima majlis yang pastinya menjadi kenangan yang tidak dapat dilupakan.

Disediakan oleh Nur Laila Afandi dan disunting oleh Bahagian Komunikasi dan Korporat.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 23-11-2017, 09:51:10